

Cadang perkenal subjek SDG diajar di sekolah – Dr. Zaliha

KUALA LUMPUR – Prinsip Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) perlu disepadukan melalui kurikulum sekolah dengan memperkenalkan subjek SDG bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar.

Cadangan itu disuarakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa dalam memastikan sasaran SDG 2030 negara tercapai.

Menurut Dr. Zaliha, pihaknya bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memastikan subjek itu boleh diajar di sekolah seluruh negara.

“Setakat ini silibus SDG memang sudah ada di sekolah, namun dalam skala kecil, jadi kita akan berbincang dengan KPM.

“Kita juga boleh bekerjasama dengan KPM untuk menjadikan subjek SDG secara formal atau *informal* yang mana akhirnya anak-anak boleh mengetahui kefahaman dan pendidikan kelestarian,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, Dr. Zaliha mengadakan lawatan ke bangunan Kuala Lumpur City Gallery (ba-



DR. ZALIHA (kiri) mengadakan lawatan ke projek bangunan SDG Centre di Kuala Lumpur semalam. – SYAKIR RADIN

ngunan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur) yang dicadangkan sebagai lokasi baharu bagi SDG Centre Kuala Lumpur dalam usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melebarkan fungsi dan ruang SDG Centre Kuala Lumpur sedia ada.

Sementara itu, Dr. Zaliha memaklumkan, SDG Centre Kuala Lumpur bukan sahaja yang pertama di Malaysia, malah pertama di Asia Pasifik dan mendapat

pengiktirafan *United Nations Human Settlement Programme*.

Katanya, pelebaran fungsi dan ruang SDG Centre Kuala Lumpur itu adalah sebagai salah satu inisiatif DBKL untuk melengkapkan ekosistem SDG Centre yang tidak hanya tertumpu kepada ruang pameran, tetapi turut mempunyai pelbagai ruang yang menyokong usaha merakyatkan matlamat pembangunan mampan.